

**Selepas Anwar, PMUM bawa mangsa kampung Chu Badak ke kampus
Malaysian Insider
Nov 3, 2014**

Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) yang mencetus kontroversi menjemput Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini akan menganjurkan satu program bersama mangsa yang dihalau daripada Kampung Chu Badak bagi berkongsi pengalaman mereka ditindas.

Program tersebut bakal diadakan Rabu ini bertempat di dalam kampus UM menjelang tindakan disiplin terhadap Presiden PMUM Fahmi Zainol yang kerana menjemput Anwar.

"Mahasiswa Universiti Malaya akan mengambil peluang untuk membawa Opah Wahida dari Kampung Chu Badak untuk memberi ucapan dan perkongsian nasib beliau yang ditindas oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di dalam kampus Universiti Malaya," kata Fahmi dalam satu kenyataan hari ini.

Fahmi berkata, program tersebut diadakan bagi mengutip derma disamping mendorong mahasiswa untuk memainkan peranan mereka dalam masyarakat.

"Tujuan ia diadakan bagi mengutip derma buat Opah Wahida untuk membina sebuah rumah baru untuk beliau.

"Ia juga bagi mengangkat nilai dan fungsi sebenar universiti dan mahasiswa di mana mereka perlu menyumbang kepada masyarakat," katanya.

Minggu lepas, Fahmi mencetuskan kontroversi apabila meneruskan program "40 Tahun: Dari Universiti Malaya ke Penjara" dengan menjemput Anwar untuk memberi ucapan.

Lebih 2,000 mahasiswa merempuh pintu pagar UM pada Isnin lalu bagi membolehkan Ketua Umum PKR itu menyampaikan ucapannya.

Akibat daripada tindakan tersebut, pelajar tahun akhir UM itu kini berdepan dengan tindakan tatatertib daripada pentadbiran universiti kerana melanggar arahan walaupun program bersama Anwar itu diisytiharkan haram. – 3 November, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selepas-anwar-pmum-bawa-mangsa-kampung-chu-badak-ke-kampus#sthash.qwHqI2Tv.dpuf>